

18 JUN 2000

Muhammad-PM

KENYATAAN PM SATU AMARAN KEPADA MELAYU, KATA MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhammad Taib berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri di negara ini harus diterjemah oleh orang Melayu sebagai satu amaran.

Katanya, ia satu ingatan kepada orang Melayu sama ada mereka sanggup atau tidak memimpin negara ini di masa depan.

"Kalau orang Melayu tak sanggup jadi bangsa maju mungkin pada masa itu, ada pihak lain akan memimpin kita," katanya ketika diminta mengulas kenyataan itu selepas perasmian satu majlis sambutan Maulidur Rasul di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional ketika merasmikan perhimpunan agung MCA di sini semalam berkata, orang bukan Melayu tetap berpeluang menjadi Perdana Menteri jika diterima semua kaum di negara ini.

"Saya berpendapat ingatan itu harus diambil berat oleh orang Melayu, jangan nanti bila nasi dah jadi bubur, baru kita tertanya-tanya dan menyalahkan orang lain," kata Muhammad.

SEMENTARA itu Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein menyifatkan kenyataan Dr Mahathir itu sebagai pandangan jauh serta harapan Perdana Menteri agar rakyat Malaysia satu hari nanti tidak dibelenggu dengan soal perkauman.

Bagaimanapun, kata beliau, masanya belum tiba supaya hasrat itu direalisasikan selagi masih ada pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan isu perkauman dan agama dalam politik semasa.

"Pemuda Umno berpendirian bahawa soal presiden Umno dan Barisan Nasional menjadi Perdana Menteri sepertimana yang diamalkan sekarang adalah sesuatu yang belum boleh dikompromi oleh pihak lain," katanya di Kuala Lumpur.

"Sekiranya masih ada golongan yang tidak bertanggungjawab menggunakan isu perkauman, agama dan politik untuk kepentingan individu tertentu, selagi itulah hasrat mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada soal perkauman tidak tercapai," kata beliau.

PARTI Gerakan juga mengalu-alukan kenyataan Dr Mahathir dan berkata ia menunjukkan sikap moderate dan terbuka beliau, yang patut dihormati dan diterima oleh semua rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, ia seharusnya diterima bahawa falsafah politik seperti ini mungkin mengambil masa untuk menjadi kenyataan, kata naib presiden parti itu, Dr S. Vijayaratnam.

"Bagaimanapun kita bangga kerana Dr Mahathir telah menyuarakannya," kata beliau dalam satu kenyataan.

DI KUANTAN, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan kenyataan itu sebagai mahu semua rakyat Malaysia hidup dalam keadaan aman dan damai serta saling mempercayai satu sama lain.

Beliau percaya idea ini diketengahkan oleh Dr Mahathir bagi menguji sejauh mana semangat perpaduan yang dilaung-laungkan setakat ini.

"Secara ringkas PM ingin mencetuskan satu pemikiran baru kepada orang Melayu dan bukan Melayu tentang perkara yang akan berlaku pada masa hadapan yang tidak dapat dianggarkan dengan jelas pada masa ini," kata beliau.

Adnan berkata beliau tidak terkejut kerana apabila tiba masa dan ketikanya sama ada Bumiputra atau bukan Bumiputra, Melayu atau bukan Melayu mungkin menjawati kedudukan itu.

"Buat masa ini saya rasa belum sampai saat dan ketikanya lagi. Hal ini mungkin menjadi kenyataan dalam jangka masa yang panjang lagi...Tetapi ia bukanlah satu perkara yang mustahil, kalau ada pakatan yang baik antara melayu dan bukan melayu, kenapa tidak?" kata beliau lagi.

-- BERNAMA  
afy shs akt zb